

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

BH MIS 8 SABTU 19/7/25 Nasional

Kerajaan diminta kaji dasar beri ubat PrEP cegah jangkitan HIV percuma

Langkah elak wujud persepsi masyarakat sokong perlakuan songsang, gay

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@bh.com.my

Kota Bharu: Kerajaan disaran mengkaji semula dasar pemberian ubat PrEP (Pre-Exposure prophylaxis) secara percuma tanpa bersasar yang digunakan untuk mencegah jangkitan HIV kepada pasangan homoseksual.

Profesor Perubatan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan USIM, Profesor Dr Rafidah Hanim Mokhtar, berkata situasi itu memberi pandangan seolah-olah masyarakat turut menaja perlakuan songsang ini.

"Merujuk kepada berita mengenai serbuan terhadap perhimpunan gay memabitkan 100 peserta bersama rampasan kondom

dan ubat HIV yang mungkin memabitkan kategori ubat seperti Highly Active Antiretroviral Therapy (HAART), Post Exposure Prophylaxis (PEP) dan PrEP, sepatutnya menyedarkan kita bahawa dasar kesihatan kita harus bersasar agar kita tidak berterusan memberi 'insentif' kepada tingkah laku berisiko tinggi seperti homoseksualiti dan biseksualiti.

"Sedangkan bajet kesihatan lebih baik disalurkan kepada keperluan lain yang tiada kaitan dengan perlakuan tidak bermoral.

"Dalam kesihatan awam, kita ada apa yang dinamakan insentif

20 lelaki sertai perjumpaan gay mengaku hidup HIV

Aluminium, jentera RM

dalam menggalakkan orang ramai meninggalkan tabiat buruk.

"Contohnya tidak merokok berkait rapat dengan akses lebih mudah dalam insurans kesihatan.

"Sebaliknya langkah penghalang atau 'disinsentif' kesihatan



Keratan akhbar BH semalam.

adalah dengan mendenda (contoh merokok di tempat awam) atau perlu menanggung sendiri kos perubatan bagi mengubah tingkah laku.

"Kos menanggung sendiri ini boleh menjadi satu penghalang kepada masyarakat agar tidak memilih tingkah laku berisiko tinggi.

"Apabila kerajaan menawarkan PrEP percuma, kita sudah membuang faktor langkah penghalang ini.

"Wang cukai rakyat dibelanjakan bukan hanya bagi tujuan pembelian ubat PrEP tetapi juga kos ujian darah, kos masa dan tenaga para doktor kita menguruskan pengamal homoseksualiti dan biseksualiti di klinik kesihatan kerajaan," katanya menerusi kenyataan di Facebook.

Contoh langkah Singapura

Jelasnya, Malaysia sepatutnya mencontohi Singapura yang memilih kaedah langkah penghalang agar masyarakat turut dididik agar bertanggungjawab dengan pilihan risiko yang mereka ambil.

"Ini membolehkan wang cukai

kita dan tenaga doktor disalurkan kepada penyakit yang tidak ada kena mengena dengan pilihan gaya hidup seperti penyakit kongenital, penyakit lahir dengan jantung berlubang dan lain-lain.

"Alasan yang sering kerajaan guna ialah kos merawat HIV lebih tinggi daripada kos pencegahan melalui PrEP, sedangkan pencegahan PrEP memabitkan masyarakat umum yang lebih ramai akhirnya akan merugikan negara," katanya.

Kelmarin, media melaporkan, perhimpunan gay di sebuah banglo di Jalan Kemumin, di sini yang dipercayai disertai hampir 100 gay diserbu polis.

Serbuan yang dilakukan jam 1 pagi pada pertengahan bulan lalu itu turut merampas ratusan kondom dan ubat HIV hasil risikan dan maklumat awam.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Mohd Yusoff Mamat, dilaporkan berkata, hasil serbuan berkenaan seramai 20 lelaki ditahan dengan kebanyakan mereka mengaku positif HIV dan memberi khidmat hubungan terlarang kepada mereka yang berminat.

Sedangkan bajet kesihatan lebih baik disalurkan kepada keperluan lain yang tiada kaitan dengan perlakuan tidak bermoral

Dr Rafidah Hanim Mokhtar, Profesor Perubatan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan USIM



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NEGARA

KOSMO SABTU 19/7/25 M15 12 NEGARA

Pengasih sedia bekerjasama dengan KKM rawat penagih

BENTONG – Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih) bersedia bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) dalam menawarkan rawatan bersepadu kepada pesakit yang mengalami gangguan mental akibat ketagihan dadah, khususnya memabitkan dadah sintetik.

Ketua Penasihat Pengasih, Datuk Dr. Abd Halim Mohd. Hus-

sin berkata, Pengasih mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam pemulihan penagih dadah dan bersedia mengembangkan peranan dengan menempatkan pesakit yang dirujuk daripada hospital ke pusat rawatan mereka yang lebih holistik dan fokus kepada pemulihan menyeluruh.

"Kami berlapang dada menawarkan kepada KKM agar pesakit

psikiatri akibat penagihan yang kini dirawat di hospital awam dapat ditempatkan di bawah pemantauan kami.

"Rawatan di hospital semata-mata tidak cukup. Mereka perlukan penjagaan yang menyeluruh, termasuk 'aftercare' dan sokongan emosi serta sosial," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penutupan Bengkel

Evidence-Base Treatment And Rehabilitation Modelities For Substance Use Disorder yang dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Felda, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang, Datuk Amizar Abu Adam di Kompleks Pengasih Cinta Manis, di sini semalam.

Menurut Abdul Halim, pesakit yang mengalami kecelaruan se-

perti gangguan psikotik (psychotic disorder) akibat penyalahgunaan dadah sintetik memerlukan rawatan jangka panjang yang lebih intensif, bersifat komuniti dan bukan hanya bergantung kepada ubat semata-mata.

"Kami sediakan tempat tinggal dan pemulihan, kerajaan cuma perlu bantu dari segi kos makan, minum serta konsultasi," ujarnya.